

## SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN KELANTAN Penemuan Utama Banci Malaysia 2020: Negeri Kelantan

### 1 Pengenalan

Siri Jelajah Parlimen dan DUN Kelantan telah diadakan pada 29 Mei 2022 bertempat di Dewan Bitara, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Jeli. Siri Jelajah ini merupakan salah satu acara yang dirancang sempena sambutan **Majlis Pelancaran Penerbitan Statistik Subnasional DUN dan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran** yang telah diadakan di sebelah pagi pada tarikh yang sama.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Ekonomi dengan kehadiran jemputan seramai 450 orang. Beliau diiringi oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YB Dato' Haji Abdullah bin Ya'kub, Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan yang mewakili YAB Menteri Besar Kelantan.



Pada sebelah petang, program diteruskan dengan Siri Jelajah Parlimen dan DUN Kelantan. Penemuan Utama Banci Malaysia 2020: Negeri Kelantan telah dibentangkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Intipati pembentangan merangkumi perkembangan semasa ekonomi di Malaysia dan Negeri Kelantan, Insight Penerbitan Utama Banci Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran, kependudukan, pendidikan dan kemudahan infrastruktur Kelantan dan Insight Penerbitan Statistik Subnasional DUN.

Seramai lebih kurang 500 orang peserta telah menghadiri sesi Siri Jelajah ini. Peserta terdiri daripada Ahli Parlimen/wakil, ADUN/wakil, Ketua Jajahan, Penggawa, Penghulu Jajahan Jeli, Ketua-ketua Jabatan, Pemain Industri dan Pelajar IPTA selain kehadiran daripada warga DOSM.



## 2 Tujuan/Objektif

- i. Menguar-uarkan secara meluas tentang penyebaran data DUN dan Daerah Pentadbiran Banci Malaysia 2020;
- ii. Memberi pendedahan bahawa statistik yang dikeluarkan ini merupakan maklumat penting dan terkini yang boleh digunakan sebagai penyampaian bantuan per kapita mengikut negeri dan daerah; dan
- iii. Sebagai asas kepada projek-projek pembangunan dan perancangan polisi secara holistik untuk semua penduduk Malaysia.



## Sepintas Lalu Negeri Kelantan

NEGERI

1

BILANGAN PENDUDUK 2020



1,792,501

NISBAH JANTINA



101

DAERAH

11

WARGANEGARA

1,757,199

BUKAN  
WARGANEGARA

35,302

UMUR MUDA

TERTINGGI:  
N.43 Nenggiri  
41.3TERENDAH:  
N.06 Chempaka  
24.4

PARLIMEN

14

KEPADATAN PENDUDUK

TERTINGGI:  
N.44 Paloh  
4,450.67 per km<sup>2</sup>TERENDAH:  
N.08 Tanjung Mas  
9.86 per km<sup>2</sup>

DUN MENUA

16 DUN

DUN

45

## Statistik Mengikut 3 Tertinggi DUN: Kelantan



JUMLAH PENDUDUK, 2020

Bilangan ('000)

N.07 Panchor	75.9
N.26 Bukit Panau	68.5
N.08 Tanjung Mas	66.8



KEPADATAN PENDUDUK, 2020

Bilangan/ km<sup>2</sup>

N.08 Tanjung Mas	4,451
N.09 Kota Lama	4,075
N.10 Bunut Payong	3,359



LUAS KAWASAN

km<sup>2</sup>

N.44 Paloh	3,046
N.45 Galas	2,827
N.43 Nenggiri	2,301



TEMPAT KEDIAMAN, 2020

Bilangan

N.08 Tanjung Mas	17,447
N.07 Panchor	16,121
N.26 Bukit Panau	15,882

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia



ISI RUMAH, 2020

Bilangan

N.07 Panchor	15,570
N.08 Tanjung Mas	15,344
N.26 Bukit Panau	13,869



PENDAPATAN ISI RUMAH BULANAN, 2019

Penengah

N.04 Wakaf Bharu	RM 4,688
N.07 Panchor	RM 4,670
N.18 Pasir Tumboh	RM 4,421



Sebanyak enam soalan yang telah diutarakan oleh peserta sepanjang tempoh sesi berlangsung. Antaranya adalah:



- i. Adakah Penerbitan Statistik Subnasional DUN telah mengambil kira mukim-mukim penghulu dan mukim imam yang terdapat di semua Jajahan di Kelantan?

**Jawapan:**

Maklumat yang terkandung dalam penerbitan tersebut adalah dipungut melalui Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang merangkumi kawasan-kawasan pilihan raya dan juga berdasarkan geospasial oleh Pejabat Tanah dan Jajahan di setiap negeri. Walau bagaimanapun, YBhg. Dato' Sri Ketua Perangkawan amat berminat dengan mukim-mukim yang dinyatakan oleh Tuan Penggawa dan bersedia untuk membuat perbincangan lanjut sekiranya diperlukan.



- ii. Sejauh manakah data yang dikumpul oleh DOSM terjamin kerahsiaannya?

**Jawapan:**

Maklumat individu yang dipungut di lapangan tidak didedahkan kepada umum. Semua maklumat yang dikumpul akan disimpan di dalam sistem yang telah dibangunkan oleh Jabatan dan hanya mendedahkan data secara agregat. Selain itu, DOSM juga tertakluk kepada perkara 4(2) Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) iaitu tidak boleh mendedahkan maklumat individu kepada orang lain termasuk mahkamah. Walau bagaimanapun, YBhg. Dato' Sri Ketua Perangkawan mengingatkan semua peserta agar berhati-hati dengan dunia serba moden sekarang yang mana banyak maklumat individu dikutip secara dalam talian seperti media sosial.



- iii. Adakah DOSM akan mengekalkan kerjasama strategik dengan kerajaan Negeri untuk menjayakan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia pada masa hadapan?

**Jawapan:**

YBhg. Dato' Sri Ketua Perangkawan mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Penguasa Daerah Banci 2020 yang bertanyakan soalan dan membantu DOSM semasa Banci 2020. Beliau menyatakan rasa gembira untuk terus menjayakan banci di masa hadapan bersama dengan kerajaan negeri.



Secara keseluruhannya program ini telah berjaya meningkatkan tahap literasi statistik di kalangan peserta.

Peserta mengambil kesempatan untuk mempelajari serta memahami statistik yang dikeluarkan oleh DOSM.